

12/04/1998

Sukom '98: PM mahu sokongan padu

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu seluruh rakyat memberi sokongan padu untuk menjayakan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI bermula 11 hingga 21 September.

Malah, Dr Mahathir berkata, kejayaan negara mendapatkan hak penganjuran sukan kedua terbesar itu selepas Sukan Olimpik berbanding negara maju, harus menjadi kebanggaan rakyat.

"Bentuk sokongan yang harus diberi rakyat menjayakan temasya itu ialah dengan datang beramai-ramai menyaksikannya."

"Ia bukan saja sebagai sokongan padu kepada kerajaan, malah sebagai dorongan kepada atlit negara yang bertanding untuk mencapai kegemilangan dalam temasya itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan sempena pelancaran penjualan tiket menerusi telefon serta laman web Kuala Lumpur '98 yang dirasmikan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin di sebuah pusat membeli-belah di Kuala Lumpur semalam.

Malah, Dr Mahathir juga menjadi pembeli pertama tiket Kuala Lumpur '98 yang ditempah menerusi laman web itu.

Perdana Menteri menasihatkan rakyat supaya membuat tempahan serta membeli awal tiket temasya itu bagi mengelak kehabisan hingga tidak dapat menyaksikannya.

"Selepas Kuala Lumpur '98, Malaysia mungkin memerlukan berpuluh-puluh tahun lagi untuk menganjurkan temasya itu. Jadi, saya harap rakyat menggunakan kesempatan ini dengan menyaksikannya," katanya

Muhyiddin dalam ucapannya pula berkata harga jualan tiket temasya itu sebenarnya diluluskan Kabinet.

"Tidak timbul harga itu terlalu membebankan, sebaliknya ia berpatutan selepas melakukan kajian menyeluruh serta membandingkan harga tiket temasya sebelum ini," katanya.

(END)